



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/08/2017

## Najib beramah mesra dengan pelajar MRSM Parit

UtM - 30/7/2017 pg. 4

**PARIT 29 Julai** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini meluangkan masa beramah mesra dengan kira-kira 200 pelajar dan tenaga pengajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Parit di sini.

Majlis tersebut diadakan selepas Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Parit di Dewan Iltizam MRSM Parit.

Najib yang agak terkejut dengan sesi beramah mesra yang diatur mengakui tidak menyangka dapat

bertemu dengan para pelajar dan tenaga pengajar di MRSM tersebut.

Dalam majlis tersebut, Perdana Menteri turut diberikan penerangan dalam bahasa Inggeris mengenai pencapaian MRSM itu sejak ditubuhkan lima tahun lalu dan kini mempunyai 900 orang pelajar.

Berucap kepada pelajar, Najib berkata, beliau meluluskan pembinaan MRSM Parit setelah diyakinkan oleh Ahli Parlimen Parit yang juga Ketua UMNO Bahagian, Datuk Zaim Abu Hasan mengenai perlu-

nya sebuah MRSM dibina di sini.

"Mungkin saya boleh digelar 'Bapa MRSM Parit'. Selepas melihat kejayaan MRSM Parit hari ini, saya lebih daripada yakin keputusan membinanya satu keputusan yang tepat," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa kagum terhadap penguasaan bahasa Inggeris para pelajar di MRSM tersebut.

Secara berseloroh Najib berkata, beliau seperti berada di United Kingdom ketika mendengar pene-

rangan dalam Bahasa Inggeris yang disampaikan oleh para pelajar mengenai pencapaian MRSM tersebut.

"MRSM ini bukan sahaja sebuah sekolah yang baik, tetapi produknya amat berkualiti dan saya yakin ini akan berterusan berkat tenaga pengajarnya yang berkualiti.

"Saya juga mendoakan para pelajarnya akan mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM tidak lama lagi," katanya.